

KUNYIT BUKIT
Great lora

FAMILI: Chloropseidae
NAMA SAINTIFIK: *Aegithina lafresnayeii*

CIRI-CIRI

Bagi jantan dewasa sub-spesies *A.l.innotata*, ia dapat dibezakan dari lain-lain spesies burung Kunyit daripada saiznya yang lebih besar, mempunyai paruh yang lebih panjang dan tebal, serta garis-garis pada sayap yang agak kurang. Bahagian atas badan dan bulu penutup pada sayap berwarna hijau buah zaitun gelap manakala lain-lain bulu pada sayap pula berwarna kehitaman dengan sempadan antara bulu berwarna hijau. Bahagian bawah badan pula berwarna kuning terang. Pada bahagian sayap dan ekor pula, ia berwarna hitam kebiruan berkilat dan terdapat sempadan antara bulu yang berwarna hijau pucat pada bulu utama sayap. Pada bahagian belakang badan pula berwarna hijau gelap dan terdapat jalur-jalur berwarna putih kuning pada bahagian tongkeng dan bulu penutup ekor bahagian atas. Bahagian atas badan kadangkala berwarna hitam dengan bahagian dahi berwarna kuning. Bagi burung betina dewasa, ia menyerupai burung jantan tetapi bahagian atas badan lebih hijau pucat manakala bahagian bawah badan berwarna kuning terang yang kurang jelas. Bagi burung juvenil, ia menyerupai betina tetapi bahagian bawah badan lebih pucat dan berwarna hijau buah zaitun yang pudar, terutamanya pada bahagian tepi badan. Saiz keseluruhan burung ini adalah antara 15.5-17.0 sm panjang.

MAKANAN

Ia menggemari serangga dan beluncas.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap, kawasan tepi hutan, hingga ke ketinggian 900 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi kicauan yang jelas *chew chew chew chew ...* atau *tieu tieu tieu tieu*.

PEMBIAKAN

Musim membiak pula adalah dari bulan Januari hingga Jun setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 3 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang berbentuk cawan di atas pokok atau semak, 4.6 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.